

## Terma & Syarat

1. Peraduan Pepsi x Pestle & Mortar (“Peraduan”) ini dianjurkan oleh Etika Sdn. Bhd. (197401000305) (“Penganjur”) dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia (setiap “Peserta” dan secara kolektif “Para Peserta”). Penganjur berhak untuk meminta dokumen pengenalan sebagai bukti dan untuk tujuan pengesahan identiti Peserta. Golongan individu berikut adalah terkecuali:
  - a. Rakyat Malaysia yang berumur di bawah umur 18 tahun (pada 26 Oktober 2020); atau
  - b. Kakitangan Penganjur (termasuk syarikat yang bersekutu dan berkaitan dengannya) dan Kedai Yang Turut Serta dan ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, abang, kakak dan adik, termasuk pasangan); atau
  - c. Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pengiklanan dan/atau penyedia khidmat promosi Penganjur (termasuk syarikat yang bersekutu dan berkaitan dengannya) dan ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, abang, kakak dan adik, termasuk pasangan).
2. Peraduan ini akan berlangsung dari 26 Oktober 2020 hingga 7 Disember 2020 (“Tempoh Peraduan”). Pihak Penganjur berhak menurut budi bicara mutlak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula dan/atau melanjutkan Tempoh Peraduan dan/atau membatalkan/menamatkan Peraduan pada bila-bila masa atau melanjutkan Tempoh Peraduan tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan secara automatik akan terbatal.
3. “Kedai Yang Turut Serta” dalam Peraduan ini adalah 7-Eleven, myNEWS dan Shell Select.
4. Untuk menyertai Peraduan:
  - a. Para Peserta dikehendaki membeli dua (2) produk Pepsi 320ml/400ml ATAU satu (1) Pepsi 1.5L yang turut serta (“Produk”) dalam satu resit di mana-mana Kedai Yang Turut Serta dalam Tempoh Peraduan. Setiap resit yang sah melayakkan Peserta untuk menghantar satu (1) penyertaan WhatsApp dan peserta akan menerima satu (1) penyertaan Peraduan secara automatik.
  - b. Untuk pelanggan 7-Eleven sahaja: Gandakan penyertaan Peraduan dengan pembelian yang termasuk Pepsi Black Raspberry 400ml/1.5L dalam satu resit di mana-mana kedai 7-Eleven yang turut serta dalam Tempoh Peraduan.
  - c. Hantar butiran berikut melalui WhatsApp ke 012-6718310, iaitu talian telefon khas yang disediakan oleh Penganjur HANYA untuk menerima penyertaan yang dihantar oleh Peserta:
    - i. Gambar jelas seluruh resit bercetak tunggal asal;
    - ii. Nombor Kad Pengenalan;
    - iii. Nama penuh seperti Kad Pengenalan.
  - d. Simpan resit bercetak asal yang sah bertarikh dalam Tempoh Peraduan dengan butiran resit yang sepadan dengan penyertaan WhatsApp sebagai bukti pembelian (“Bukti Pembelian”).
  - e. Para Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan WhatsApp yang diinginkan tetapi setiap penyertaan mesti disertakan dengan butiran yang diperlukan dan Bukti Pembelian yang berlainan bagi setiap penyertaan.
  - f. Para Peserta tidak dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan WhatsApp dengan Bukti Pembelian yang sama kepada pihak Penganjur.
  - g. Hanya resit-resit bercetak asal dan sah akan diterima. Salinan resit dan resit cetak semula tidak akan diterima. Resit-resit yang sukar dibaca, rosak, diubah, disalin semula, diperolehi secara tidak sah, tersalah cetak dan/atau tidak mengandungi maklumat yang diperlukan adalah tidak sah dan tidak akan diterima. Pihak Penganjur mempunyai budi bicara mutlak dan hak untuk membatalkan kelayakan resit-resit tidak sah tersebut.




- h. Setiap Hari Peraduan akan bermula pada jam 12:00 pagi dan berakhir pada jam 11:59 malam, sepanjang Tempoh Peraduan. Sila rujuk kepada “Tempoh Peraduan”.
- i. Memandangkan talian 012-6718310 adalah talian khas yang disediakan oleh Penganjur, TIADA perakuan penerimaan akan dihantar oleh Penganjur berkaitan semua Penyertaan yang dikemukakan/dihantar oleh Peserta kepada Penganjur melalui WhatsApp. Sebarang pertanyaan/panggilan melalui talian ini tidak akan dilayan.
- j. Pihak Penganjur tidak akan membayar balik kepada Peserta apa-apa caj atau perbelanjaan yang dikenakan untuk menghantar penyertaan, jika ada.
- k. Para Peserta hanya boleh menyertai Peraduan ini melalui telefon bimbit sahaja.
- l. Pihak Penganjur dan syarikat-syarikat yang terlibat dalam Peraduan ini tidak akan dipertanggungjawabkan untuk sebarang kelewatan, kegagalan penghantaran dan/atau gangguan mesej WhatsApp dan tidak akan dipertanggungjawabkan untuk sebarang penggunaan telefon bimbit atau akaun pelanggan yang tidak dibenarkan sepanjang Peraduan ini.

5. Cara pemilihan pemenang:

- a. Hadiah Mingguan x 30 pemenang x 6 minggu x 3 Kedai Yang Turut Serta: Para pemenang Hadiah Mingguan yang layak akan ditentukan berdasarkan jumlah penyertaan layak yang diterima untuk kedai tersebut sepanjang Minggu Peraduan dibahagikan dengan 30.5. Sebagai contoh, jika terdapat sebanyak 1,835 penyertaan layak diterima, nombor ini akan dibahagikan dengan 30.5 dan dibundarkan kepada nombor bulat paling dekat yang lebih rendah iaitu 60. Maka penyertaan layak ke-60, ke-120, ke-180 dan seterusnya akan disenarai pendekkan dan layak memenangi Hadiah Mingguan setiap satu untuk minggu dan kedai tersebut. Jika penyertaan yang disenarai pendekkan dibatalkan kelayakannya, maka penyertaan layak seterusnya yang terdahulu akan menjadi pemenang gantian, sebagai contoh, pemenang gantian untuk penyertaan layak ke-60 adalah penyertaan layak ke-59.
- b. Para pemenang yang layak akan dihubungi melalui telefon dan dikehendaki menjawab satu soalan dengan betul sebelum boleh disahkan sebagai pemenang. Sekiranya Peserta gagal menjawab soalan dengan betul, pihak Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakannya dan memilih Peserta seterusnya sebagai pemenang. Sekiranya Peserta tidak dapat dihubungi pada cubaan pertama, contohnya, tidak menjawab telefon, nombor telefon tiada dalam perkhidmatan, tiada sambungan, dan lain-lain, dua (2) cubaan lain akan dibuat lagi dalam tempoh dua puluh empat (24) jam yang berikutnya selepas cubaan pertama. Sekiranya percubaan-percubaan ini tidak berhasil, kelayakan Peserta akan dibatalkan. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Peserta-peserta tidak dapat dihubungi atas sebarang sebab.
- c. Para pemenang yang layak dikehendaki menghantar semua Bukti Pembelian dan salinan Kad Pengenalan melalui Pos Laju/kurier dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas tarikh pemberitahuan. Sekiranya gagal, kelayakan pemenang tersebut akan dibatalkan. Pihak Penganjur tidak akan menanggung sebarang kos penghantaran yang dikenakan ke atas pemenang.

6. Hadiah-hadiah Peraduan:

- a. Hadiah Minggu x 180 x 3 Kedai Yang Turut Serta: Kemeja T eksklusif Pestle & Mortar setiap satu.
- b. Reka bentuk kemeja T mengikut Kedai Yang Turut Serta adalah seperti berikut:

Kedai Yang Turut Serta	Reka bentuk Kemeja T Eksklusif Pestle & Mortar
7-Eleven	
myNEWS	
Shell Select	

- c. Setiap Peserta hanya layak untuk memenangi satu (1) Hadiah Mingguan untuk setiap Kedai Yang Turut Serta sepanjang Tempoh Peraduan.
  - d. Bilangan kemeja T mengikut saiz adalah terhad. Pihak Penganjur akan cuba memenuhi permintaan saiz kemeja T pemenang tetapi ia bukan jaminan pemenang akan menerima saiz kemeja T yang diminta. Sekiranya saiz kemeja T yang diminta pemenang kehabisan stok, pihak Penganjur berhak untuk menggantikan dengan saiz lain yang ada stok.
  - e. Kesemua hadiah Peraduan mestilah dituntut oleh pemenang atas perbelanjaan sendiri dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas Tempoh Peraduan. Semua hadiah yang gagal dituntut enam puluh (60) hari selepas Tempoh Peraduan akan dilupuskan oleh pihak Penganjur.
  - f. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlakanya, untuk menggantikan hadiah dengan hadiah-hadiah lain yang lebih kurang sama nilainya tanpa sebarang notis. Semua hadiah tidak boleh ditukar milik, dikembalikan atau ditukar dalam apa jua bentuk lain atas apa jua sebab. Nilai hadiah adalah betul pada masa pencetakan. Semua hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada'.
7. Semua kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan untuk Peraduan dan untuk menebus hadiah adalah tanggungjawab Peserta dan pemenang sepenuhnya.
  8. Para Peserta akan menanggung liabiliti dan tanggungjawab sepenuhnya jika berlaku sebarang kemalangan, kecederaan, kerosakan, kerugian atau tuntutan akibat penyertaan di dalam Peraduan ini dan penggunaan hadiah-hadiah.

9. Dengan menyertai Peraduan ini, para Peserta memberi keizinan untuk memberi maklumat peribadinya dan pihak Penganjur berhak menyiarkan, menggunakan nama dan/atau gambar pemenang serta penyertaan mereka untuk tujuan publisiti, pengiklanan dan/atau perdagangan tanpa sebarang bayaran pampasan mahupun pemberitahuan dan setiap Peserta tidak berhak membuat sebarang tuntutan ke atas penggunaan penyertaan tersebut oleh pihak Penganjur.
10. Pihak Penganjur mengumpul maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan atau untuk berhubung dengan Peserta. Maklumat ini disimpan oleh pihak Penganjur dalam kaedah yang sesuai dengan data tersebut dan digunakan untuk memenuhi permintaan Peserta. Dengan mengemukakan maklumat peribadi Peserta, pihak Penganjur menganggap bahawa keizinan telah diberi kepada pihak Penganjur dan/atau agen-agen yang dilantik olehnya untuk menggunakan maklumat ini bagi tujuan pemasaran dan promosi yang terkini dan di masa hadapan serta untuk menambahbaik produk-produk dan perkhidmatannya. Sekiranya Peserta memaklumkan pihak Penganjur melalui talian pelanggannya di 1300 30 1300 bahawa maklumat tersebut tidak patut digunakan sebagai asas untuk hubungan seterusnya, pihak Penganjur akan menghormati permintaan Peserta. Maklumat Peserta tidak akan diberi atau dikongsi dengan syarikat-syarikat/rakan-rakan lain untuk kegunaan bebas mereka.
11. Dalam kes kejadian Force Majeure, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa sebab di luar kawalan pihak termasuk tanpa batasan, perbuatan Tuhan, tindakan kerajaan atau perintah kerajaan, pandemik, kebakaran wabak, peperangan, mogok, rusuhan atau banjir yang di luar kawalan yang munasabah mana-mana pihak, kewajipan Penganjur untuk melaksanakan atau meneruskan Peraduan ini hendaklah digantung kerana peristiwa Force Majeure. Penganjur boleh menamatkan Peraduan ini dengan serta merta dan Penganjur tidak mempunyai sebarang liabiliti yang terakru kepada mana-mana pihak dari tarikh bermulanya kejadian Force Majeure.
12. Dengan menyertai Peraduan ini, para Peserta harus bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat rasmi yang ditetapkan serta segala keputusan pihak Penganjur.
13. Pihak Penganjur berhak untuk meminda, membatalkan atau mengubahsuai Terma dan Syarat ini tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu pada bila-bila masa dan para Peserta akan terikat dengan perubahan tersebut.
14. Keputusan pihak Penganjur adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat dan panggilan tidak akan dilayan.